

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020  
NEGERI PERLIS**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020**

**1223/1**

**PENDIDIKAN ISLAM**

**Kertas 1**

**Oktober**

**2 Jam**

**Dua jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
- 2 ***Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman terakhir.*
- 3 ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikut. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
- 4 *Tulis nombor **kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan.*
- 5 *Ceraikan kertas jawapan daripada kertas soalan dihalaman terakhir. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

**Bahagian A**  
[40 markah]  
*Jawab semua soalan.*

**Soalan 1 hingga Soalan 20.**

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.*

- 1 Di antara contoh syirik jali ialah.
  - A riak
  - B tidak mengakui balasan di akhirat
  - C menyembah bulan, bintang atau matahari
  - D membuang ancak bagi menghalau hantu
  
- 2 Harta anak yatim ialah harta yang diperolehi melalui perkara berikut **kecuali**
  - A zakat
  - B hibah
  - C wasiat
  - D pusaka
  
- 3 Di antara berikut yang manakah merujuk kepada dosa kecil
  - A Melawan cakap ibu bapa
  - B Menipu dalam peperiksaan
  - C Mendedahkan aib rakan
  - D Melihat aurat bukan mahram
  
- 4 Berikut merupakan faktor masih terdapat segelintir umat Islam yang minum arak, **kecuali**
  - A Ilmu terlalu cetek
  - B Harganya yang murah
  - C Sombong dengan kemewahan
  - D Penguatkuasaan undang-undang tidak tegas
  
- 5 Bilakah Jemaah haji diwajibkan melontar ketiga-tiga jamrah?
  - A 9, 10 dan 11 Zulhijjah
  - B 10,11 dan 12 Zulhijjah
  - C 11,12 dan 13 Zulhijjah
  - D 12,13 dan 14 Zulhijjah.

6

- Berulang alik dari bukit Safa ke bukit Marwah
- Dilakukan sebanyak tujuh kali
- Dilakukan selepas tawaf Ifadah

Pernyataan di atas adalah mengenai \_\_\_\_\_.

- A syarat sah saie.  
B perkara sunat saie.  
C perkara makruh saie.  
D larangan dalam ibadat saie.
- 7 Berikut adalah hikmah disyariakan akikah dalam Islam **kecuali**
- A Mendekatkan bayi kepada penghayatan Islam.  
B Memudahkan manusia utk kenduri.  
C Menggalakkan amalan bersedekah.  
D Tanda syukur dikurniakan zuriat.
- 8 Penyataan manakah antara berikut merujuk kepada saham dalam Islam?
- A Setiap saham ada nilai tara.  
B Saham tidak sah untuk dijual beli.  
C Pemegang saham tiada hak dalam syarikat.  
D Saham adalah muamalat yang tidak digalakkan.
- Sembelihan dilakukan pada malam hari
  - Tidak menghadapkan binatang ke arah kiblat
- 9 Pernyataan di atas merujuk kepada
- A syarat sah sembelihan.  
B perkara sunat sembelihan.  
C perkara makruh sembelihan.  
D perkara yang membatalkan sembelihan.
- 10 Seseorang yang telah menziharkan isterinya boleh dikenakan kifarah seperti berikut
- I Memerdekaan seorang hamba mukmin  
II Bertaubat nasuha kepada Allah S.W.T.  
III Berpuasa dua bulan berturut-turut.  
IV Memberi makan 60 orang miskin.
- A II dan III  
B I dan IV  
C I, II dan III  
D I, III dan IV

11 Antara yang berikut yang manakah **bukan** hikmah walimatul urus ?

- A Tanda tahniah dan selamat.
- B Melahirkan rasa kesyukuran.
- C Menjamin kesucian keturunan.
- D Mengisyiharkan kepada orang ramai.

- Menantu Rasulullah SAW
- Menerima jawatan khalifah dalam keadaan negara tidak tenteram

12 Pernyataan di atas merujuk kepada khalifah \_\_\_\_\_.

- A Saidina Abu Bakar As Siddiq
- B Saidina Umar Al Khattab
- C Saidina Uthman b Affan
- D Saidina Ali bin Abi Talib

13 Antara berikut yang manakah faktor perkembangan Islam zaman Kerajaan Abbasiyah?

- A Keinginan penduduk setempat
- B Dasar kerajaan memberi keutamaan kepada ulama
- C Kestabilan politik dan ekonomi Abbasiyah
- D Kreativiti ulama.

14 Baitulmal bertanggungjawab mengurus dan menjana pendapatan negara melalui

- A Dewan Al Kharaj.
- B Dewan Al Jundi.
- C Dewan Al Barid.
- D Dewan Al Usul.

15 Berikut adalah jawatan yang pernah disandang oleh Ibnu Khaldun

- I Perdana Menteri
- II Ketua Hakim Negara
- III Menteri Kewangan
- IV Setiausaha Negara

- A I , II dan III
- B II , III dan IV
- C I , III dan IV
- D I , II dan IV

- 16 Nama Majalah yang diterbitkan oleh Sheikh Tahir Jalaluddin ialah
- A Neraca
  - B Al Imam
  - C Al Munir
  - D Pedoman Hidup
- 17 Manakah antara yang berikut **bukan** kesan penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar
- A Keindahan dan kebersihan alam dapat dikekalkan.
  - B Menarik pelancong asing datang ke Malaysia.
  - C Dapat menikmati keindahan ciptaan Tuhan.
  - D Memberikan keuntungan kepada kerajaan.
- 18 Apakah hukum melaksanakan amar makruf dan nahi munkar
- A Sunat.
  - B Harus.
  - C Fardu Ain.
  - D Fardu Kifayah.
- 19 Perkara yang dibenarkan oleh Islam dalam urusan jual beli ialah
- A Berniaga barang yang rendah mutunya.
  - B Melakukan urusniaga dengan perempuan ajnabi.
  - C Menjual barang yang diharamkan dalam Al Quran.
  - D Berniaga barang yang bercampur antara yang baik dengan yang rosak.
- 20 Antara kebaikan berselawat ke atas Nabi SAW ialah memperoleh \_\_\_\_\_ di akhirat.
- A pahala.
  - B syafaat.
  - C syurga.
  - D ganjaran.

**Soalan 21 hingga Soalan 30***Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.*

21 \_\_\_\_\_ ialah kembali semula taat kepada Allah S.W.T setelah menyesal melanggar perintah atau laranganNya.

- Menuduh perempuan baik melakukan zina
- Dikenakan 80 sebatan

22 Perbuatan di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_.

23 Riba \_\_\_\_\_ ialah pertambahan yang diperoleh kerana melewatkhan bayaran.

24 Khawarij ialah kumpulan yang berpaling tada daripada menyokong \_\_\_\_\_

25 Memisahkan roh daripada jasad adalah pengertian bagi perbuatan \_\_\_\_\_.

26 Beriktikad kedudukan pelaku dosa besar berada di antara keimanan dan kekufuran adalah pegangan kumpulan \_\_\_\_\_.

- Memotong kuku
- Menutup muka dan tapak tangan

27 Penyataan di atas menunjukkan larangan ihram bagi jemaah haji \_\_\_\_\_.

**Soalan 28 hingga soalan 30***Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul yang disediakan dalam jadual di bawah*

Tawaf	Bercukur	Upah haji	Wukuf


28 Rukun haji yang menjadi simbol membersihkan diri daripada segala sifat tercela pada diri seseorang ialah \_\_\_\_\_.

29 Rukun haji yang dilaksanakan di Padang Arafah. \_\_\_\_\_.


30 Melaksanakan haji bagi pihak orang lain. \_\_\_\_\_.

“ Aku ceraikan engkau dengan bayaran RM1000 “

31 Lafaz talak di atas menunjukkan berlaku perceraian secara \_\_\_\_\_.



- 32 X dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.
- 33 Institusi yang menguruskan perbelanjaan dan pendapatan kerajaan Bani Umayyah dinamakan \_\_\_\_\_.
- 34 Sheikh Tahir Jalaluddin pernah menyandang jawatan sebagai \_\_\_\_\_ di Masjidil Haram.



- 35 Y dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.

### Soalan 36 hingga 37

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

Kharaj	Ghanimah	Jizyah
--------	----------	--------

- 36 Cukai tanah yang dikenakan ke atas pemilik beragama Islam dan bukan Islam ialah \_\_\_\_\_.
- 37 Cukai yang dikenakan ke atas orang kafir zimmi yang tinggal dalam negara Islam ialah ---  
\_\_\_\_\_

### Soalan 38 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

Wajib	Harus	Haram	Sunat	Makruh
-------	-------	-------	-------	--------

- 38 Meniru dalam peperiksaan adalah perbuatan yang \_\_\_\_\_ kerana berlaku penipuan kepada diri sendiri dan orang lain.
- 39 Hukum seorang ayah menegur anak perempuannya keluar rumah tanpa menutup aurat dengan sempurna.\_\_\_\_\_.
- 40 Perbuatan mengurangkan sukatan ketika urusan jualbeli adalah \_\_\_\_\_.

**Bahagian B**

[ 60 markah ]

*Jawab tiga soalan**Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.*

- 1 (a) Riddah ialah perbuatan yang dimurkai Allah SWT
- (i) Nyatakan maksud riddah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan perbuatan riddah. [4 markah]
- (b) Kufur merupakan salah satu perkara yang membatalkan iman.
- (i) Nyatakan pembahagian kufur serta contoh. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor yang menyebabkan berlakunya kekufturan. [4 markah]
- (c) Ahli Sunnah Wal Jamaah muncul selepas berlaku perpecahan dalam kalangan umat Islam.
- (i) Nyatakan pengertian Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** sebab umat Islam wajib berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]
- 2 (a) Ibadah korban merupakan ibadah yang dituntut dalam Islam.
- (i) Bilakah umat Islam disunatkan melakukan ibadah korban? [1 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** syarat sah binatang korban. [4 markah]
- (iii) Encik Fauzi telah melakukan ibadat korban.  
Jelaskan **tiga** cara pengagihan daging korban yang perlu beliau lakukan. [3 markah]
- (b) Mahar ialah pemberian wajib daripada suami kepada isteri.
- (i) Nyatakan **dua** jenis mahar serta maksudnya. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah diwajibkan mahar. [4 markah]
- (c) Terdapat segelintir ibu bapa yang terlalu mementingkan kewangan sehingga menyebabkan terdapatnya pasangan yang tidak dapat mendirikan rumah tangga di usia yang muda kerana tidak mampu menyediakan kadar mas kahwin yang tinggi. Kemukakan hujah anda berdasarkan pernyataan di atas. [4 markah]

- 3 (a) Saidina Umar Al Khattab r.a merupakan khalifah yang kedua kerajaan Khulafa Ar Rasyidin
- (i) Apakah gelaran Saidina Umar Al Khattab dan nyatakan sebab beliau mendapat gelaran tersebut [2 markah]
  - (ii) Nyatakan **dua** polisi Khalifah Umar Al Khattab r.a. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** hasil karya HAMKA. [2 markah]
- (ii) Terangkan bukti kegigihan HAMKA dalam mengembangkan dakwah Islamiah [2 markah]
- (c) Rasulullah SAW merupakan contoh teladan yang unggul yang diutuskan oleh Allah SWT
- (i) Nyatakan **dua** contoh sunnah Rasulullah SAW [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** tingkah laku yang tidak beradab terhadap Rasulullah SAW. [2 markah]
  - (iii) Akal fikiran adalah kurniaan Allah SWT kepada manusia  
Jelaskan **dua** peranan akal menurut Islam. [2 markah]
  - (iv) Terangkan **dua** hikmah berfikir menurut garis panduan yang ditetapkan dalam Islam. [4 markah]
- 4 (a) Perkembangan Pendidikan pada zaman Abbasiyah lebih pesat berbanding zaman kerajaan bani Umayyah
- (i) Nyatakan **dua** institusi Pendidikan pada zaman kerajaan Abbasiyah. [2 markah]
  - (ii) Terangkan **dua** kesan perkembangan ilmu pengetahuan Kerajaan Bani Abbasiyah kepada pembinaan tamadun umat Islam. [4 markah]
- (b) Imam Ahmad bin Hanbal adalah merupakan pengasas kepada Mazhab Hanbali.
- (i) Nyatakan riwayat hidup beliau. [2 markah]
  - (ii) Senaraikan **dua** sifat peribadi beliau. [2 markah]
- (c') Berniaga merupakan satu bentuk muamalat yang disyariatkan dalam Islam
- (i) Nyatakan maksud berniaga menurut syarak ? [2 markah]
  - (ii) Jelaskan adab berniaga dalam Islam. [2 markah]

- (iii) Pemimpin memainkan peranan yang penting kepada sesebuah negara.  
Nyatakan **dua** tanggungjawab pemimpin terhadap rakyat. [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** akibat tidak taat kepada pemimpin. [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

## KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

**NO. KAD PENGENALAN**

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14

ANGKA GILIRAN

\_\_\_\_\_

- |    |   |   |   |   |    |  |
|----|---|---|---|---|----|--|
| 1  | A | B | C | D | 21 |  |
| 2  | A | B | C | D | 22 |  |
| 3  | A | B | C | D | 23 |  |
| 4  | A | B | C | D | 24 |  |
| 5  | A | B | C | D | 25 |  |
| 6  | A | B | C | D | 26 |  |
| 7  | A | B | C | D | 27 |  |
| 8  | A | B | C | D | 28 |  |
| 9  | A | B | C | D | 29 |  |
| 10 | A | B | C | D | 20 |  |
| 11 | A | B | C | D | 31 |  |
| 12 | A | B | C | D | 32 |  |
| 13 | A | B | C | D | 33 |  |
| 14 | A | B | C | D | 34 |  |
| 15 | A | B | C | D | 35 |  |
| 16 | A | B | C | D | 36 |  |
| 17 | A | B | C | D | 37 |  |
| 18 | A | B | C | D | 38 |  |
| 19 | A | B | C | D | 39 |  |
| 20 | A | B | C | D | 40 |  |

Bahagian	
A	
B	

## Jumlah Markah